

**FAKTOR-FAKTOR PENENTU STRES DALAM KALANGAN GURU-GURU:
KAJIAN DI SEKOLAH RENDAH MUBALIGH DI KUALA LUMPUR**

FAZURA MOHD NOOR

Laporan Akhir Projek ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan

Centre for Graduate Studies

Open University Malaysia

2011

PERAKUAN

NAMA : FAZURA BINTI MOHD NOOR

NOMBOR MATRIK : CGS00442706

Saya akui laporan akhir projek ini adalah hasil kerja saya, kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan :

Tarikh : 1 Ogos 2011

**FAKTOR-FAKTOR PENENTU STRES DALAM KALANGAN GURU-GURU:
KAJIAN DI SEKOLAH RENDAH MUBALIGH DI KUALA LUMPUR**

FAZURA MOHD NOOR

Ogos 2011

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap stres berdasarkan faktor demografi (jantina, umur, bangsa, kelulusan akademik, status perkahwinan dan pengalaman mengajar) serta menentukan faktor-faktor yang menyebabkan stres dalam kalangan guru-guru di sekolah sekolah mubaligh di Kuala Lumpur. Terdapat tujuh faktor-faktor penentu stres yang dikaji termasuklah bebanan tugas, karenah pelajar, kekangan masa, hubungan dengan ibu bapa pelajar, hubungan sesama rakan sekerja, penghargaan dan sokongan, dan kekurangan sumber. Seramai 186 orang guru dari 14 buah sekolah telah dipilih secara rawak (*multistage cluster*) bagi mewakili populasi. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min, kekerapan dan peratus) dan statistik inferensi (Ujian-t, Ujian ANOVA dan Regresi Berganda). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap stres dalam kalangan responden berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres dalam kalangan responden dari aspek bangsa. Faktor hubungan dengan ibu bapa pelajar, dan penghargaan dan sokongan didapati mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap stres guru-guru.

KATA KUNCI:

Stres, faktor stres, tahap stres, stres guru

**FACTORS DETERMINING THE STRESS AMONG TEACHERS: STUDY IN
PRIMARY MISSIONARY SCHOOL IN KUALA LUMPUR**

FAZURA MOHD NOOR

August 2011

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the level of stress based on demographic factors (gender, age, race, academic qualification, marriage status and teaching experience) and also to determine the factors that contributed stress among the teachers who are currently teaching in mission primary schools in Kuala Lumpur. There were seven teacher stress sources that included in this study which are workload, pupils' attitude, time constraint, relationships with colleagues, relationships with parents, appreciation and support, and lack of resources. A total of 186 from 14 mission primary schools in Kuala Lumpur were chosen randomly (multistage cluster) to represent the population. The data was analyzed using both descriptive (mean, frequency, and percentage) and inferential (Independent t-test, oneway ANOVA test and Multiple Regression). The study showed that the stress level among the respondents is at a moderate level. The study also showed that there were significant differences on the level of stress among respondents in terms of race. Relationships with parents, and the appreciation and support were found to have significant differences on teacher stress.

Keywords:

Stress, stress factors, stress level, teacher stress

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi pujian ke atas Allah S.W.T di atas limpah dan rahmatNya yang telah memungkinkan kajian ini disiapkan.

Penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada penyelia kajian, Dr. Mohd Burhan bin Ibrahim atas bimbingan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar tanpa rasa jemu dalam proses menyempurnakan kajian ini.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, dan Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atas kesudian mereka memberi kebenaran kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua guru besar, dan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini atas kerjasama yang telah diberikan.

Tidak ketinggalan juga kepada ahli keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan bagi menyiapkan kajian ini. Akhir kata, penyelidik berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada kita semua.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|----------------------------|-------------------|
| | JUDUL | i |
| | PERAKUAN | ii |
| | ABSTRAK | iii |
| | ABSTRACT | iv |
| | PENGHARGAAN | v |
| | KANDUNGAN | vi |
| | SENARAI JADUAL | xii |
| | SENARAI RAJAH | xiv |
| | SENARAI SINGKATAN | xv |
| | SENARAI LAMPIRAN | xvi |
| 1 | PENDAHULUAN | |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 3 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 9 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 11 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 12 |
| | 1.6 Hipotesis Kajian | 13 |

| | | |
|----------|---|-------|
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 14 |
| 1.8 | Batasan Kajian | 16 |
| 1.9 | Definisi Operasional | 17-21 |
| 1.10 | Kesimpulan | 22 |
| 2 | KAJIAN LITERATUR | |
| 2.1 | Pengenalan | 23 |
| 2.2 | Stres Pekerjaan | 24 |
| 2.3 | Model Stres Pekerjaan | 26 |
| 2.3.1 | Model Stres Tuntutan – Kawalan (Karasek, 1979) | 27 |
| 2.3.2 | Model Stres Tuntutan – Kawalan – Sokongan (Karasek & Theorell, 1990) | 28 |
| 2.3.3 | Model Stres Cooper (1998) | 29 |
| 2.3.4 | Model Stres Pekerjaan (Palmer & Cooper, 2004) | 30 |
| 2.3.5 | Model Punca Tekanan (Jaafar Muhammad, 2003) | 31 |
| 2.4 | Model Stres Kerja Guru | 33 |
| 2.4.1 | Model Stres Kerja Guru (Kyriacou & Sutcliffe, 1978) | 33 |
| 2.4.2 | Model Tekanan Guru (Boyle, Borg, Falzon & Baglioni, 1995) | 35 |
| 2.5 | Kajian-kajian Stres Luar Negara | 36 |
| 2.6 | Kajian-kajian Stres Dalam Negara | 42 |

| | | |
|----------|--|----|
| | 2.7 Kesimpulan | 45 |
| 3 | METODOLOGI | |
| | 3.1 Pengenalan | 46 |
| | 3.2 Kerangka Konsep Kajian | 47 |
| | 3.3 Rekabentuk Kajian | 49 |
| | 3.4 Lokasi Kajian | 50 |
| | 3.5 Populasi dan Sampel Kajian | 51 |
| | 3.6 Instrumen Kajian | 54 |
| | 3.6.1 Bahagian A: Latar Belakang Responden | 54 |
| | 3.6.2 Bahagian B: Tahap Stres | 55 |
| | 3.6.3 Bahagian C: Faktor-faktor Stres Kerja Guru | 55 |
| | 3.7 Kajian Rintis | 57 |
| | 3.8 Prosedur Kajian | 60 |
| | 3.9 Penganalisan Data | 62 |
| | 3.10 Rumusan | 66 |
| 4 | ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN | |
| | 4.1 Pengenalan | 67 |
| | 4.2 Bahagian A: Latar Belakang Responden | 68 |
| | 4.2.1 Penganalisan Responden Berdasarkan Jantina | 68 |
| | 4.2.2 Penganalisan Responden Berdasarkan Umur | 69 |

| | | |
|---------|---|----|
| 4.2.3 | Penganalisaan Responden Berdasarkan Bangsa | 70 |
| 4.2.4 | Penganalisaan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan | 71 |
| 4.2.5 | Penganalisaan Responden Berdasarkan Kelulusan Akademik | 72 |
| 4.2.6 | Penganalisaan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 73 |
| 4.3 | Bahagian B: Tahap Stres Responden | 74 |
| 4.3.1 | Analisis Persoalan Kajian 1: Apakah Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur? | 75 |
| 4.3.2 | Analisis Keseluruhan Tahap Stres | 78 |
| 4.4 | Bahagian C: Perbezaan Tahap Stres Mengikut Faktor Demografi | 80 |
| 4.4.1 | Analisis Persoalan Kajian 2: Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur Dari Aspek Berikut: | 80 |
| 4.4.1.1 | Hipotesis Nol 1 | 80 |
| 4.4.1.2 | Hipotesis Nol 2 | 82 |
| 4.4.1.3 | Hipotesis Nol 3 | 83 |
| 4.4.1.4 | Hipotesis Nol 4 | 84 |
| 4.4.1.5 | Hipotesis Nol 5 | 85 |
| 4.4.1.6 | Hipotesis Nol 6 | 86 |

| | | |
|----------|---|-----|
| | 4.5 Bahagian D: Peramal Terhadap Stres | 88 |
| | 4.5.1 Analisis Persoalan Kajian 3: Adakah Faktor Bebanan Kerja, Karenah Pelajar, Kekangan Masa, Hubungan Sesama Rakan Sekerja, Hubungan Dengan Ibu Bapa Pelajar, Penghargaan Dan Sokongan, Dan Kekurangan Sumber Merupakan Peramal Terhadap Stres Guru-guru Di Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur? | 88 |
| | 4.5.1.1 Hipotesis Nol 7 | 88 |
| | 4.6 Ringkasan Keseluruhan Analisis Data Persoalan Kajian | 91 |
| 5 | PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN | |
| | 5.1 Pengenalan | 94 |
| | 5.2 Perbincangan Hasil Kajian | 95 |
| | 5.2.1 Perbincangan Latar Belakang Responden | 95 |
| | 5.2.2 Perbincangan Hasil Kajian Tahap Stres Responden Secara Keseluruhan | 96 |
| | 5.3 Perbincangan Hasil Kajian Terhadap Perbezaan Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Dalam Aspek Jantina | 98 |
| | 5.4 Perbincangan Hasil Kajian Terhadap Perbezaan Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Dalam Aspek Umur | 99 |
| | 5.5 Perbincangan Hasil Kajian Terhadap Perbezaan Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Dalam Aspek Bangsa | 101 |

| | |
|---|---------------|
| 5.6 Perbincangan Hasil Kajian Terhadap Perbezaan Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Dalam Aspek Kelulusan Akademik | 102 |
| 5.7 Perbincangan Hasil Kajian Terhadap Perbezaan Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Dalam Aspek Status Perkahwinan | 103 |
| 5.8 Perbincangan Hasil Kajian Terhadap Perbezaan Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Dalam Aspek Pengalaman Mengajar | 104 |
| 5.8.1 Perbincangan Hasil Kajian Terhadap Faktor Bebanan Kerja, Karenah Pelajar, Kekangan Masa, Hubungan Sesama Rakan Sekerja, Hubungan Dengan Ibu Bapa Pelajar, Penghargaan dan Sokongan, Dan Kekurangan Sumber Merupakan Peramal Terhadap Stres Guru-guru Di Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur | 105 |
| 5.9 Rumusan | 106 |
| 5.10 Cadangan | 107 |
| 5.11 Cadangan Kajian Lanjutan | 109 |
| 5.12 Kesimpulan | 110 |
| RUJUKAN | 112 - 118 |
| LAMPIRAN | 119 - 128 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------|--|------------|
| Jadual 3.1 | Bilangan Guru Mengikut Sekolah Rendah Mubaligh Kuala Lumpur | 51 |
| Jadual 3.2 | Bilangan Responden Mengikut Sekolah Rendah Mubaligh Kuala Lumpur | 53 |
| Jadual 3.3 | Skala Likert Lima Mata (Bahagian B) | 55 |
| Jadual 3.4 | Taburan Item Soal Selidik (Bahagian C) | 56 |
| Jadual 3.5 | Skala Likert Lima Mata (Bahagian C) | 57 |
| Jadual 3.6 | Nilai Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> Bagi Faktor Penentu Stres Kerja | 58 |
| Jadual 3.7 | Julat Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Dan Tahap Kebolehpercayaan | 59 |
| Jadual 3.8 | Pembahagian Analisis Data | 63 |
| Jadual 3.9 | Pengkelasan Tahap Stres Kerja Berdasarkan Skor Min | 65 |
| Jadual 4.1 | Taburan Responden Berdasarkan Jantina | 68 |
| Jadual 4.2 | Taburan Responden Berdasarkan Umur | 69 |
| Jadual 4.3 | Taburan Responden Berdasarkan Bangsa | 70 |
| Jadual 4.4 | Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan | 71 |
| Jadual 4.5 | Taburan Responden Berdasarkan Kelulusan Akademik | 72 |

| | | |
|-------------|--|----|
| Jadual 4.6 | Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 73 |
| Jadual 4.7 | Analisis Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Tahap Stres Guru | 75 |
| Jadual 4.8 | Jadual Pengkelasan Skor Min Dan Tahap Penilaian | 79 |
| Jadual 4.9 | Taburan Responden Berdasarkan Tahap Stres | 79 |
| Jadual 4.10 | Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Mengikut Jantina | 81 |
| Jadual 4.11 | Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Mengikut Umur | 82 |
| Jadual 4.12 | Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Mengikut Bangsa | 83 |
| Jadual 4.13 | Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Mengikut Kelulusan Akademik | 84 |
| Jadual 4.14 | Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Mengikut Status Perkahwinan | 86 |
| Jadual 4.15 | Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tahap Stres Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur Mengikut Pengalaman Mengajar | 87 |
| Jadual 4.16 | Penyumbang Terhadap Stres Guru: Analisi Regrasi Berganda | 89 |
| Jadual 4.17 | Keseluruhan Analisis Data Persoalan Kajian | 91 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------------|---------------------------------------|-------------------|
| Rajah 2.1 | Model Stres Tuntutan – Kawalan | 27 |
| Rajah 2.2 | Model Stres Cooper | 30 |
| Rajah 2.3 | Model Stres Pekerjaan | 31 |
| Rajah 2.4 | Model Punca Tekanan Kerja | 32 |
| Rajah 2.5 | Model Stres Kerja Guru | 34 |
| Rajah 2.6 | Model Tekanan Guru | 35 |
| Rajah 3.1 | Kerangka Konsep Kajian | 48 |
| Rajah 4.1 | Taburan Jantina Responden | 68 |
| Rajah 4.2 | Taburan Umur Responden | 69 |
| Rajah 4.3 | Taburan Bangsa Responden | 70 |
| Rajah 4.4 | Taburan Status Perkahwinan Responden | 71 |
| Rajah 4.5 | Taburan Kelulusan Akademik Responden | 72 |
| Rajah 4.6 | Taburan Pengalaman Mengajar Responden | 73 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|--------|---|
| KPM | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| BPG | Bahagian Pendidikan Guru |
| SGM | Standard Guru Malaysia |
| NUTP | Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan |
| JPWPKL | Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| PIBG | Persatuan Ibu Bapa dan Guru |
| PhD | Doktor Falsafah |
| TP | Tidak Pernah |
| J | Jarang |
| KK | Kadangkala |
| AK | Agak Kerap |
| K | Kerap |
| T | Tidak Ada Tekanan |
| TR | Tekanan Rendah |
| TS | Tekanan Sederhana |
| TT | Tekanan Tinggi |
| TST | Tekanan Sangat Tinggi |
| SPSS | <i>Statistical Package for the Social Sciences</i> |

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

TAJUK

A

Borang Soal selidik

B

Surat Kebenaran KPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Peranan sistem pendidikan dalam sesebuah negara amatlah penting untuk memastikan pembangunan negara. Bagi memastikan sistem pendidikan yang berkualiti dan cemerlang, maka, menjadi tanggungjawab guru untuk menyediakan generasi yang berkualiti di masa akan datang. Ini bertepatan dengan salah satu matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) iaitu, menyediakan sumber tenaga manusia bagi memenuhi keperluan kemajuan negara di masa hadapan. Maka, bagi merealisasikan hasrat KPM, sebahagian besar usaha terletak di bahu guru. Guru bukan hanya harus mempersiapkan para pelajar bagi menghadapi masa depan yang penuh cabaran, malahan, guru juga perlu melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran, menunjukkan kesungguhan dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam melaksanakan daya usaha bagi

meningkatkan kualiti pelajar yang bakal dihasilkan. Sehubungan itu, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah membangunkan Standard Guru Malaysia (SGM) yang merupakan penanda aras bagi melihat sejauh mana guru telah mencapai kompetensi profesional guru dalam tiga aspek, iaitu, nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Guru haruslah menguasai ketiga-tiga aspek kompetensi tersebut bagi menjamin dan mengekalkan pendidikan yang berkualiti kepada warganegara masa kini dan akan datang.

Namun, sejauh manakah guru-guru dapat mencapai standard yang ditetapkan oleh KPM memandangkan tugas guru-guru pada hari ini sangat mencabar. Ini diakui oleh Valli dan Buese (2007) dalam kajiannya terhadap 150 orang guru mendapati bahawa, tugas guru telah semakin bertambah, diperluaskan, diinsentifkan serta perlu memenuhi harapan daripada masyarakat hingga memberi kesan stres terhadap guru. Masyarakat kini harus sedar bahawa, tugas guru bukanlah semata-mata di dalam bilik darjah, mengajar, membimbing dan mendidik. Tugas guru hari ini turut merangkumi tugas di luar bilik darjah dan juga di luar waktu persekolahan. Lemaire (2009) mendapati bahawa, guru-guru terlalu dibebankan dengan tugas-tugas yang tidak berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran seperti, aktiviti ko-kurikulum, menghadiri mesyuarat, mengendalikan program-program pelajar, mengurus karenah dan kebajikan pelajar serta, tugas-tugas pengurusan.

Sistem pendidikan di Malaysia sentiasa mengalami perubahan mengikut peredaran zaman dan ini menjadikan proses mendidik pelajar-pelajar bertambah

kompleks. Lantaran itu, bagi mencapai matlamat utama pendidikan, guru pada hari ini haruslah peka terhadap perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan dan sentiasa bersedia menyesuaikan diri dari pelbagai aspek termasuk penambahan pengetahuan dan kemahiran yang harus dipertingkatkan, berkemahiran dalam pengurusan, bertanggungjawab dan bersedia dengan beban tugas yang bertambah. Bagi memenuhi permintaan yang tinggi dalam pendidikan, guru-guru semakin mula berasa tertekan dalam menghadapi pelaksanaan pelbagai reformasi dalam pendidikan.

Sehubungan itu, sejak kebelakangan ini seringkali kedengaran isu-isu yang berkaitan tekanan kerja dalam kalangan guru yang mendapat perhatian pelbagai pihak. Satu kajian telah dibuat oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) pada tahun 2005 mengenai stres di kalangan 9328 orang kakitangan perguruan di seluruh negara mendapati 69 peratus responden bersetuju bahawa, mereka bekerja dalam keadaan stres (Utusan Malaysia, 29 Mac 2006). Memandangkan peningkatan kualiti dan kecemerlangan pendidikan amat bergantung kepada guru-guru, maka, sewajarnya pihak-pihak tertentu peka dengan permasalahan stres guru.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kajian mengenai tekanan atau stres dalam kalangan guru-guru telah dilakukan sejak dua dekad yang lalu, contohnya, kajian yang dijalankan oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1978). Terdapat banyak kajian lepas yang dijalankan bagi mengenal pasti tahap dan

punca-punca stres dalam kalangan guru. Antaranya, kajian oleh Van Dick dan Wagner (2001) terhadap 557 orang guru mendapati faktor beban kerja merupakan penyumbang yang utama terhadap stres guru. Kajian mereka juga menunjukkan bahawa, stres yang dialami oleh guru akan memberi kesan negatif bukan sahaja dari segi fisiologi seperti tekanan darah tinggi, malahan, turut memberi kesan kepada tingkah laku guru. Begitu juga dengan Tang dan Yeung (1999) dalam kajian terhadap 259 guru sekolah menengah di Hong Kong juga mendapati, faktor beban tugas telah menyebabkan stres kepada guru hingga boleh mengundang *burnout*.

Oleh kerana terdapat perubahan demi perubahan dalam sistem pendidikan, maka, ini telah memberi kesukaran kepada sebahagian guru untuk menyesuaikan diri dengan perubahan hingga wujudnya tekanan dalam menjalankan tugas. Tekanan yang dihadapi itu seterusnya akan memberi kesan kepada emosi, psikomatik dan fizikal guru (Nobile dan McCormick, 2005). Justeru itu, NUTP telah mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan jawatan pembantu guru di sekolah-sekolah bagi mengambil alih tugas sosial terhadap pelajar yang sebelum ini terpaksa dilaksanakan oleh guru-guru sendiri (Utusan Malaysia, 22 Jun 2009). Langkah yang diambil ini adalah bertujuan bagi memastikan guru-guru dapat memberi sepenuh komitmen kepada tugas-tugas mengajar. Sehubungan itu, guru-guru tidak terbeban lagi dengan tugas-tugas luar seperti menguruskan hal-hal sosial pelajar yang merangkumi aktiviti ko-kurikulum, urusan dokumen pelajar dan aspek luar kelas. Ini sekaligus dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru.

Ekoran dari cadangan agar diwujudkan jawatan pembantu guru, jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh KPM bagi mengkaji masalah beban tugas guru telah mengusulkan 40 cadangan dan salah satunya adalah menghadkan bilangan murid kepada hanya 25 orang bagi setiap kelas di sekolah rendah dan sekolah menengah (Berita Harian, 18 Mei 2010). Pihak Kementerian juga bercadang mengkaji semula bilangan peperiksaan dan ujian yang menjadi punca pertambahan beban tugas guru dan menyusun semula tugas perkeranian di sekolah.

Jelas menunjukkan bahawa, guru-guru sememangnya terbeban dengan tugas yang berlebihan. Kajian tentang stres terhadap 267 guru sekolah rendah di Utara dan Timur England mendapati bahawa, 23 peratus responden berasa sangat stres dan stres yang ekstrim (Chaplain, 1995). Ini disebabkan oleh tugas yang diberi kian bertambah dan memberi kesan negatif ke atas guru yang mana didapati hanya satu pertiga daripada guru yang berpuas hati dengan kerja mereka. Apabila guru tidak berasa kepuasan dalam pekerjaan, ini akan mempengaruhi sistem pendidikan yang mana guru-guru tidak bermotivasi, tidak komited dengan kerja dan tidak profesional, dan sekaligus memberi impak yang negatif dalam bidang pendidikan. Kajian yang sama oleh Borg dan Riding (1993), menunjukkan 21.3 peratus daripada 150 responden sekolah rendah dan sekolah menengah di Malta mengalami stres pada tahap yang tinggi.

Selain faktor beban tugas, faktor salah laku dan karenah pelajar juga turut menyumbang terhadap stres guru. Tingkah laku pelajar di dalam kelas seperti kurang menghormati guru, kurang penumpuan di dalam kelas, masalah disiplin, kurang

bermotivasi dan tidak menyiapkan kerja sekolah didapati telah menyebabkan guru berasa tertekan setiap kali memasuki kelas (Fun, 2008; Kim, 2006; Tang dan Yeung, 1999; Montgomery dan Rupp, 2005). Akibat karenah pelajar, guru sering keletihan dan tidak bersemangat untuk mengajar. Kesukaran yang dihadapi oleh guru dalam berhadapan dengan pelbagai karenah pelajar telah menyebabkan sebahagian guru mengalami *burnout* (Wai dan Kwok, 1995).

Kurangnya keyakinan dan kepercayaan ibu bapa pelajar terhadap guru (Troman, 2000), harapan yang tinggi daripada ibu bapa pelajar (Center dan Steventon, 2001) dan berurusan dengan ibu bapa pelajar (Rieg, Paquette dan Chen, 2007) merupakan satu lagi cabaran yang harus ditempuh oleh guru. Ibu bapa pelajar sememangnya meletakkan harapan yang tinggi pada guru-guru bagi memastikan kecemerlangan akademik anak-anak mereka. Namun, adakalanya harapan ibu bapa terhadap pelajar adalah tidak realistik (Center dan Steventon, 2001) hingga menyebabkan guru-guru berada dalam keadaan stres.

Kajian Kyriacou dan Chien (2004) terhadap 203 guru-guru dari 22 buah sekolah rendah di Taiwan mendapati 26 peratus daripada guru yang mengalami stres yang ekstrim adalah berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya, faktor perubahan polisi pendidikan, kerja-kerja tambahan berkaitan pengurusan, tingkahlaku negatif pelajar, tekanan daripada ibu bapa pelajar, kekangan masa dan tanggapan negatif masyarakat. Faktor-faktor stres yang sama turut dilaporkan dalam kajian Kokkinos (2007), namun, selain faktor-faktor yang dinyatakan, beliau juga mendapati hubungan dengan rakan

setugas, kesamaran peranan, pembahagian tugas, membuat keputusan dan kurang bahan bantu mengajar turut mengundang stres dalam kalangan guru.

Di samping itu, kajian-kajian luar dan dalam negara mendapati kekangan masa turut menyebabkan guru stres (Boyer, 2009; Chaplain, 1995; Ages, 2011; Tang & Yeung 1999; Kim, 2006; Fun, 2008). Kajian stres oleh Huisman (2009), melaporkan bahawa, kesemua responden percaya bahawa stres yang dialami telah memberi impak negatif terhadap pelajar dan menyebabkan pengajaran menjadi kurang efektif. Dapatan beliau turut mendapati tugas perkeranian seperti mengambil kedatangan dan merekodkan gred pelajar telah menyukarkan guru mengimbangkan dengan tugas mengajar. Seringkali guru mengalami stres berpunca dari tugas luar dari pengajaran (Sheppard, 2008), penyediaan kertas kerja, menghadiri pelbagai mesyuarat (Center dan Steventon, 2001; Jo-Ida dan Brandon, 2003) dan tugas berkaitan pengurusan bilik darjah (Center dan Steventon, 2001). Namun, tidak dapat dinafikan tugas utama guru yang perlu dilaksanakan sebagai memenuhi tanggungjawab utama adalah menyediakan rancangan mengajar, mengajar, menyediakan aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran dan menanda buku (Rieg, Paquatte dan Chen, 2007).

Kajian terhadap guru-guru di sekolah rendah swasta (Weidner, 2002) menunjukkan guru-guru yang mendapat sokongan daripada pihak pentadbir didapati kurang berasa stres dalam melaksanakan tugasnya. Pentadbir bukan sahaja harus bijak dalam mengemudi pengurusan sekolah, malahan, sentiasa menjaga hubungan dengan guru-gurunya. Sokongan pentadbir haruslah meliputi empat dimensi, iaitu emosi,

pengajaran, informasi dan penghargaan (Littrell, Billingsley dan Cross 1994). Pentadbir yang menunjukkan rasa hormat dan sentiasa menghargai orang bawahannya, sememangnya amat disenangi oleh guru-guru. Pengagihan tugas yang sama rata dan jelas oleh pihak pentadbir amat penting bagi mengelakkan kesamaran tugas. Kajian ke atas 165 pensyarah politeknik di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan berkenaan punca stres, mendapati kesamaran peranan merupakan salah satu punca stres (Wan Mohamad Nasir, 2002). Kesamaran peranan yang dimaksudkan adalah pembahagian tugas kepada pensyarah yang kurang jelas dan tidak adil. Kajian Pauley (2009) pula yang dilakukan terhadap 40 orang guru juga menunjukkan dapatan yang sama.

Pengajaran dan pembelajaran yang efektif bukan sahaja terletak pada guru dan strategi pengajaran malahan bergantung kepada bahan bantu mengajar yang digunakan. Kekurangan atau sukar mendapatkan bahan bantu mengajar telah dikenal pasti menjadi salah satu punca stres guru. Ini dibuktikan oleh banyak kajian yang menyatakan kekurangan sumber sama ada sumber untuk bahan pengajaran mahupun sumber rujukan yang diperlukan oleh guru telah menyebabkan stres (Burchielli dan Bartram, 2006; Borg & Riding, 1993; Ages, 2011).

Walau bagaimanapun, didapati kebanyakan kajian tempatan berkaitan stres dalam kalangan guru banyak tertumpu kepada guru-guru sekolah menengah sahaja. Antaranya, adalah kajian oleh Mohd Fitri (2001) yang mengkaji tahap beban tugas guru di sekolah menengah di daerah Skudai, Johor. Muhammad Hanapi (2004), Leh (2004) dan Sevakame (2003) yang menjalankan kajian yang sama terhadap stres pekerjaan dalam

kalangan guru hanya memfokuskan kepada guru-guru sekolah menengah di Malaysia. Manakala, kajian yang dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan di Perlis pula bertujuan mengkaji tahap, punca-punca dan pengurusan stres guru (Abdul Halim, 2001). Satu lagi kajian yang sama dijalankan oleh Wan Mohamad Nasir (2002), memfokuskan hanya kepada pensyarah politeknik. Begitu juga kajian stres kerja di kalangan guru aliran teknik di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan (Kim, 2006) yang mana responden terdiri daripada guru-guru sekolah menengah. Kajian-kajian stres yang melibatkan guru-guru sekolah rendah adalah sangat kurang khususnya bagi sekolah mubaligh yang belum terdapat satu kajian pun dilakukan. Justeru, penyelidik mengambil peluang untuk menjalankan kajian bagi mengetahui faktor-faktor penentu stres dalam kalangan guru-guru sekolah rendah mubaligh di Kuala Lumpur.

Sebagaimana yang dilaporkan dalam kajian Jepson dan Forrest (2006) terhadap 95 orang guru dari sekolah rendah dan menengah di United Kingdom mendapati guru sekolah rendah mempunyai tahap stres yang tinggi berbanding guru sekolah menengah. Maka, kajian stres dalam kalangan guru sekolah rendah haruslah diperbanyakkan lagi.

1.3 Pernyataan Masalah

Daripada latar belakang kajian yang diuraikan di atas, jelas menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan guru-guru berasa stres. Antaranya adalah faktor beban kerja, kekangan masa, karenah pelajar, hubungan dengan rakan sekerja, ibu bapa pelajar dan pentadbir, bahan bantu mengajar, kurang sokongan dari pihak pentadbir,

kesamaran peranan, mengurus aktiviti-aktiviti pelajar dan harapan tinggi daripada ibu bapa pelajar. Memandangkan guru-guru merupakan aset penting yang diperlukan oleh negara, maka golongan guru perlu diberi perhatian khususnya dalam menghadapi stres. Dengan wujudnya stres dalam kalangan guru, akan memberi impak terhadap guru dalam memberi komitmen semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab di sekolah.

Lantaran itu, penyelidik ingin mengambil peluang ini untuk mengkaji dengan lebih lanjut mengenai masalah stres dalam kalangan guru-guru. Fokus akan diberikan kepada guru-guru daripada 14 buah Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur. Penyelidik berminat menjalankan kajian terhadap guru daripada Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur memandangkan tiada kajian-kajian yang lepas berkenaan stres dalam kalangan guru dilakukan ke atas Sekolah Rendah Mubaligh. Penyelidik mempunyai sebab tersendiri untuk memilih guru-guru di Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur sebagai kajian. Penyelidik sendiri yang mengajar di salah sebuah Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur telah sempat melakukan pemerhatian dalam beberapa tahun terhadap guru-guru di samping mendengar luahan perasaan mereka, merasakan guru-guru amat stres semasa menjalankan tugas akibat dari pelbagai faktor.

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji tahap stres guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur dengan memberi tumpuan kepada tujuh pembolehubah tak bersandar iaitu, bebanan tugas, karenah pelajar, kekangan masa, penghargaan dan sokongan dari pentadbir, kekurangan sumber, hubungan sesama rakan sekerja, dan hubungan dengan ibu bapa pelajar yang menyumbang kepada stres guru.

Penyelidik juga ingin melihat hubungan faktor demografi seperti jantina, umur, bangsa, kelulusan akademik, pengalaman mengajar dan status perkahwinan terhadap tahap stres guru. Akhirnya, penyelidik ingin menentukan peramal utama stres dalam kalangan guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap stres dalam kalangan guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur.
- ii. Mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan tahap stres dalam kalangan guru yang mengajar di Sekolah Rendah Mubaligh dalam Kuala Lumpur disebabkan oleh faktor-faktor berikut:
 - a. jantina,
 - b. umur,
 - c. bangsa,
 - d. status perkahwinan,
 - e. kelulusan akademik, dan
 - f. pengalaman mengajar.
- iii. Mengenal pasti peramal utama terhadap stres dalam kalangan guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah disenaraikan, persoalan kajian yang berkaitan dikemukakan seperti berikut:

- i. Apakah tahap stres dalam kalangan guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur?
- ii. Adakah terdapat perbezaan tahap stres dalam kalangan guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur dalam aspek berikut:
 - a. jantina,
 - b. umur,
 - c. bangsa,
 - d. kelulusan akademik,
 - e. status perkahwinan, dan
 - f. pengalaman mengajar.
- iii. Adakah faktor berikut merupakan peramal yang signifikan terhadap stres dalam kalangan guru-guru di Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur:
 - a. bebanan tugas,
 - b. karenah pelajar,
 - c. kekangan masa,
 - d. penghargaan dan sokongan,
 - e. kekurangan sumber,
 - f. hubungan sesama rakan sekerja, dan
 - g. hubungan dengan ibu bapa pelajar.

1.6 Hipotesis Kajian

a. Soalan kajian (ii)

H₀₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur dari aspek jantina.

H₀₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur dari aspek umur.

H₀₃ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur dari aspek bangsa.

H₀₄ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur dari aspek kelulusan akademik.

H₀₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur dari aspek status perkahwinan.

H₀₆ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur dari aspek pengalaman mengajar.

b. Soalan kajian (iii)

H_{07} Tidak terdapat satu pun pembolehubah tak bersandar yang signifikan sebagai peramal terhadap stres guru-guru Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur.

1.7 Kepentingan Kajian

Sememangnya kajian terhadap stres guru telah banyak dilakukan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Kebanyakan kajian-kajian lepas hanya mengkaji tahap stres dan punca-punca yang menyebabkan guru stres. Namun, kajian ini bukan sahaja mengukur tahap stres tetapi ingin mengetahui apakah peramal yang signifikan terhadap stres guru-guru. Selain itu, penyelidik juga mengkaji satu pembolehubah yang jarang dilakukan oleh kajian di Malaysia iaitu, faktor hubungan dengan ibu bapa pelajar. Penyelidik berharap dapatan dari kajian ini akan memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu seperti pihak KPM, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL), pihak pentadbir sekolah dan guru-guru serta menjadi kesinambungan dari teori-teori atau model-model sedia ada.

Hasil dapatan kajian ini dapat memberi input yang berguna kepada pihak KPM dan JPWPKL tentang tahap stres dan peramal terhadap stres dalam kalangan guru-guru. Ini memudahkan kedua-dua pihak untuk merangka program-program atau aktiviti-aktiviti yang melibatkan guru-guru tanpa menambahkan stres kepada guru-guru. Sebagai contoh, apabila pihak JPWPKL telah mengetahui punca-punca utama yang menyebabkan guru-

guru stres, maka, pelbagai langkah akan diambil bagi meminimakan stres guru seterusnya memberi kesan positif kepada guru-guru.

Di samping itu, hasil dapatan kajian juga dapat membuka mata pihak pentadbir sekolah tentang apakah sebenarnya yang menjadi punca guru-guru berasa stres. Oleh kerana pihak pentadbir sekolah merupakan pihak yang paling hampir dengan guru, maka, amat mudah bagi pentadbir sekolah menggunakan peluang ini untuk meringankan stres guru dengan mengelakkan aktiviti-aktiviti atau perkara-perkara yang menyebabkan guru stres. Pentadbir juga akan mengambil kira beberapa aspek tertentu sebelum menjalankan aktiviti bagi meminimakan stres guru. Ini dapat membantu guru melaksanakan tugas dengan lebih lancar tanpa tekanan seterusnya, melahirkan guru-guru yang berkualiti.

Dapatan juga akan memberi gambaran kepada pihak pentadbir tentang apakah keperluan guru-guru yang dapat dipenuhi oleh pihak pentadbir dalam mengurangkan stres guru. Apabila pihak pentadbir memahami kelemahan atau kekurangan dari segi pengurusan sekolah, maka, langkah-langkah memperbaiki atau penambahbaikan dilakukan agar dapat mengurangkan stres guru. Hasilnya guru-guru akan berasa lebih selesa apabila berurusan dengan pihak pentadbir dan dapat menumpukan tugas-tugas yang diamanahkan.

Bagi guru-guru, diharap dapatan kajian ini akan menjadi panduan guru dalam menilai di tahap manakah stres yang mereka alami dan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan stres melalui perancangan awal. Guru-guru di sekolah

rendah dan menengah mubaligh di luar Kuala Lumpur juga boleh menjadikan dapatan kajian ini sebagai panduan dalam memikul tanggungjawab sebagai seorang guru. Selain itu, bagi guru-guru permulaan dapatan dapat membantu mereka menghadapi segala cabaran dalam bidang perguruan dengan lebih berkeyakinan.

1.8 Batasan Kajian

Sebagaimana yang diketahui, terdapat banyak faktor-faktor yang turut mempengaruhi stres dalam kalangan guru-guru yang tidak dibincangkan dalam kajian ini. Fokus kajian ini hanya terbatas kepada tujuh pembolehubah tak bersandar iaitu, bebanan tugas, karenah pelajar, kekangan masa, penghargaan dan sokongan dari pentadbir, kekurangan sumber, hubungan sesama rakan sekerja, dan hubungan dengan ibu bapa pelajar. Kesemua faktor dalam kajian ini bukanlah mewakili keseluruhan faktor.

Kajian ini hanya melibatkan guru-guru yang mengajar dari 14 buah Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur. Responden kajian tidak melibatkan semua guru Sekolah Rendah Mubaligh di seluruh Malaysia akibat kekangan masa dan sumber. Maka, dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan bagi semua guru di seluruh Malaysia memandangkan perbezaan tempat dan persekitaran yang berbeza.

Oleh kerana instrumen yang digunakan dalam kajian adalah soal selidik, maka dapatan kajian adalah bergantung kepada sejauh mana kejujuran dan keikhlasan

responden menjawab soalan yang dikemukakan. Penyelidik membuat andaian bahawa responden memberi maklumat yang tepat secara ikhlas dan jujur.

1.9 Definasi Operasional

Dalam konteks kajian ini, beberapa istilah yang membawa makna khusus ditakrifkan seperti berikut:

a. Stres

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), tekanan didefinisikan sebagai perbuatan menekan, keadaan menekan atau keadaan tertekan, keadaan menanggung beban yang sukar ditanggung. Dalam kajian ini, stres merujuk kepada sebarang gangguan sama ada dari segi fisiologi mahupun psikologi kesan dari menjalankan tugas sebagai seorang guru sekolah rendah. Gangguan fisiologi merupakan gangguan yang boleh memberi kesan ke atas kesihatan diri seseorang seperti keletihan dan tekanan darah tinggi. Manakala bagi gangguan psikologi pula, melibatkan gangguan perasaan seperti, perasaan marah, kecewa, murung, resah dan rasa tidak puas hati. Gangguan-gangguan ini adalah disebabkan oleh ketidakupayaan guru memenuhi kehendak atau permintaan ke atas dirinya dalam menjalankan tugas-tugas di sekolah.

b. Guru

Dalam kajian ini, guru ditakrifkan sebagai seorang yang terlatih dalam bidang perguruan yang mempunyai kelayakan akademik yang berbeza sama ada guru bukan berijazah atau guru berijazah di bawah pentadbiran KPM. Tetapi kajian ini tidak melibatkan guru-guru sandaran tidak terlatih, penolong-penolong kanan dan guru besar. Guru-guru adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar di 14 buah Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur yang bukan sahaja terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga bertanggungjawab menjalankan semua aktiviti yang berkaitan dengan kurikulum dan ko-kurikulum di sekolah.

c. Sekolah Rendah Mubaligh

Sekolah Rendah Mubaligh adalah sekolah yang dibina sendiri oleh mubaligh-mubaligh Kristian dari negara barat dengan menggunakan tabung dari gereja. Terdapat beberapa jenis Sekolah Rendah Mubaligh di Malaysia seperti, sekolah Katholik, Methodist, Convent dan La Salle. Sekolah-sekolah ini selain dikenali sebagai Sekolah Mubaligh, juga dipanggil *Mission Schools (M)* yang mempunyai reka bentuk bangunan yang tersendiri. Sistem pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Rendah Mubaligh adalah mengikut garis panduan yang disediakan oleh KPM. Dalam kajian ini, Sekolah-sekolah Rendah Mubaligh yang dikaji merupakan Sekolah Rendah Mubaligh yang hanya terletak

dalam Kuala Lumpur sahaja. Terdapat 22 buah Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur, namun, kajian hanya dibuat ke atas 14 buah Sekolah Rendah Mubaligh.

d. Faktor-faktor Penentu Stres

Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan hanya tujuh pembolehubah tak bersandar iaitu, bebanan tugas, karenah pelajar, kekangan masa, penghargaan dan sokongan, kekurangan sumber, hubungan sesama rakan sekerja, dan hubungan dengan ibu bapa pelajar.

i. Beban Tugas

Merujuk kepada semua tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh guru sama ada yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran ataupun di luar pengajaran dan pembelajaran. Antaranya adalah seperti membuat rancangan mengajar, menyediakan bahan bantu mengajar, menghabiskan silibus, mengemaskini jadual kedatangan pelajar, mengganti guru yang tidak hadir, mengendalikan aktiviti ko-kurikulum, menggubal soalan dan pelbagai tugas lain.

ii. Karenah Pelajar

Karenah pelajar merujuk kepada pelbagai tingkah laku dan salah laku yang ditunjukkan oleh pelajar. Antaranya adalah, pelajar yang kurang sopan, membuat bising, bersikap negatif terhadap pelajaran dan tidak bermotivasi.

iii. Kekangan Masa

Kekangan masa ditakrifkan sebagai, masa yang tidak mencukupi untuk berehat dan menjalankan tugas berkaitan pengajaran dan pembelajaran (menghabiskan sukatan pelajaran, membuat persediaan mengajar, memberi tumpuan kepada pelajar secara individu, menanda buku) dan yang tidak berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (mengisi borang, menyediakan kertas kerja dan laporan dan mesyuarat).

iv. Kekurangan Sumber

Dalam kajian ini, kekurangan sumber bukan sahaja terhad kepada sumber pengajaran, seperti, kurangnya peralatan dan kemudahan pembelajaran tetapi juga melibatkan keperluan harian guru untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di sekolah (kertas

dan mesin pencetak). Kemudahan bilik guru yang tidak selesa dan sempit juga turut dikategorikan sebagai kekurangan sumber.

v. Hubungan

Dalam konteks kajian ini, hubungan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu, hubungan sesama rakan sekerja dan hubungan dengan ibu bapa pelajar. Rakan sekerja adalah individu atau kumpulan yang mempunyai tugas yang hampir sama iaitu merujuk kepada guru-guru di sekolah yang sama. Manakala, ibu bapa pelajar merujuk kepada orang tua (emak, ayah atau penjaga) yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelajar dan mempunyai pertalian keluarga.

vi. Penghargaan dan Sokongan

Penghargaan adalah perihal atau perbuatan menghargai, penghormatan dan penyanjungan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Manakala, sokongan adalah merujuk kepada sokongan yang berupa bantuan kebendaan dan juga sokongan yang dapat memberi perangsang dan mengukuhkan semangat. Kajian ini memfokuskan kepada penghargaan dan sokongan yang ditunjuk dan diberi oleh pihak pentadbir kepada guru-guru.

1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini, telah diperjelaskan satu persatu perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini. Penyelidik telah menetapkan beberapa matlamat yang ingin dicapai di akhir kajian ini. Berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan, penyelidik seterusnya membentuk beberapa hipotesis. Pada masa yang sama, penyelidik turut menyatakan kepentingan kajian dan batasan kajian. Di bahagian akhir bab ini, definisi operasional bagi beberapa istilah penting telah dihuraikan bagi memberi kefahaman yang mendalam.

Rujukan

- Abdul Aziz Yusof. (2000). *Pengurusan dan gelagat organisasi di abad ke-21*. Selangor. Prentice Hall.
- Abdul Halim. (2001). *Stres Di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Kuala Perlis. Tesis Sarjana*. Universiti Utara Malaysia.
- Abouserie, R. (1996). Stress, Coping Strategies and Job Satisfaction in University Academic Staff. *Educational Psychology*, 16(1):49-56.
- Ages, V. D. (2011). *Teacher Perceptions On Stress And Retention*. ProQuest Dissertations and Theses.
- Berita Harian*. (2010, Mei 18). Had Murid Antara 40 Cadangan Atasi Beban Guru, 12.
- Black, S. (2003). Stressed out in the classroom. *American School Board Journal*, 190(9),14-16.
- Borg, M. G., & Riding, R. J. (1993). Occupational Stress And Job Satisfaction Among School Administrators. *Journal of Educational Administration*, 31(1), 4.
- Boyer-Colon, C. (2009). *Teacher Stress Among Catholic High School Teachers: Its Nature And Significance*. ProQuest Dissertations and Theses.
- Boyle G. J., Borg M. G., Falzon, J. M. & Baglioni, A. J. Jr. (1995). A Structural Model of the Dimensions of Teacher Stress. *British Journal of Educational Psychology*. 65: 49 - 67.
- Burchielli, R & Bartram, T. (2006). Like An Iceberg Floating Alone: A Case Study of Teaching Stresses at a Victorian Primary School. *Australian Journal of Education*, 50(3), 312-327.
- Bush, L. D., Jr. (2010). *Special education teachers and work stress: Exploring the competing interests model*. ProQuest Dissertations and Theses.
- Caplan, R. D., Cobb, S., French, J. R. P., Jr., Harrison, R.V., & Pinneau, S. R. (1975). *Job demands and worker health: Main effects and occupational differences*. (HEW Publication No. (NIOSH) 75-160). Washington, DC: US Department of Health, Education and Welfare.

- Center, D. B., & Steventon, C. (2001). The EBD Teacher Stressors Questionnaire. *Education & Treatment of Children*, 24(3), 323.
- Chang, C.L. (2007) stress among secondary school teachers in Klang District. *Masters Theses*. Universiti Malaya.
- Chaplain, R. P. (1995). Stress and Job Satisfaction: A Study of English Primary school. *Educational Psychology*, 15(4), 473.
- Cohen, L., & Manion, L. (1985). *Research methods in educations*. London. Croom-Helm.
- Cooper, C. (1998). *Theories of Organizational Stress*. Oxford University Press.
- Fun, W.S (2008). Faktor-faktor Yang Mendorong Tekanan Kerja (Stres) Di Kalangan Guru-guru SJK(C): Satu Kajian Di Tiga Buah Sekolah Di Wilayah Persekutuan. *Kajian Ilmiah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Gelman, R. B. (2008). Demographic and occupational correlates of stress and burnout among urban school teachers. ProQuest Dissertations and Theses.
- Gold, Y. & Roth, R. A. (1993). *Teachers Managing Stress and Preventing Burnout: The Professional Health Solution*. London. The Falmer Press.
- Guglielmi, R. S., & Tatrow, K. (1998). Occupational stress, burnout, and health in teachers: A methodological and theoretical analysis. *Review of Educational Research*, 68(1), 61.
- Howard, S., & Johnson, B. (2004). Resilient teachers: Resisting stress and burnout. *Social Psychology of Education : An International Journal*, 7(4), 399.
- Huisman, K. A. (2009). Lived experience of stress in middle school teachers. ProQuest Dissertations and Theses.
- Jaafar Muhammad. (2003). *Kelakuan Organisasi*. Kuala Lumpur. Leeds Publications.
- Jepson, E., & Forrest, S.(2006). Individual contributory faktors in teacher stress: The role of achievement striving and occupational commitment. *British Journal of Educational Psychology* 1 76.(2006): 183-197.

- Jo-Ida, H., & Brandon, S. (2003). *Assessment of workplace stress: Occupational stress, its consequences, and common causes of teacher stress*. ERIC Document Reproduction Service No. ED 480 078.
- Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karasek, R.A. (1979). Job demands, job decision latitude, and mental strain: Implications for job redesign. *Administrative Science Quarterly*, 24(2), 285-308.
- Karasek, R.A., & Theorell, T. (1990). *Healthy Work. Stress, Productivity, and the Reconstruction of Working Life*. New York. Basic Books.
- Kim, T. S. (2006). Stres kerja dlm kalangan guru teknik. *Kajian Ilmiah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kim, T.S. (2006). Stres Kerja Di Kalangan Guru Aliran Teknik Di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. *Tesis Sarjana*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Klassen, R. M., & Chiu, M. M. (2010). Effects on teachers' self-efficacy and job satisfaction: Teacher gender, years of experience, and job stress. *Journal of Educational Psychology*, 102(3), 741.
- Kokkinos, C. M. (2007). Job Stressors, Personality and Burnout in Primary School Teachers. *British Journal of Educational Psychology*, 77(1), 229-243.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational dan Psychological Measurement*. 30: 607 – 610.
- Kumarakulasingam, T. M. (2002). Relationships between classroom management, teacher stress, teacher burnout, and teachers' levels of hope. ProQuest Dissertations and Theses.
- Kyriacou, C & Sutcliffe, J. (1978). A Model of Teacher Stress. *Educational Studies*. 4(1): 1 - 6.
- Kyriacou, C. (2001) Teacher stress: Directions for future research. *Educational Review*, 53(1), 27-35.
- Kyriacou, C., & Chein, P.Y. (2004). Teacher Stress In Taiwanese Primary School. *Journal of Educational Enquiry* 5(2).

- Lau, P. S. Y. (2002). Teacher Burnout In Hong Kong Secondary Schools. ProQuest Dissertations and Theses.
- Leh, W.S. (2004). Tekanan kerja di kalangan guru di beberapa buah sekolah menengah di Kuala Lumpur. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya.
- Lemaire, J. (2009). Addressing teacher workload. *Education*, pp. 6.
- Ling, H. Oi. (2008). Individual and Systemic Factors Influencing Secondary School Teacher Stress in Hong Kong. ProQuest Dissertations and Theses.
- Ling,W.P. (2007). Kepuasan Kerja Guru-guru Aliran Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Di Sekolah-sekolah Menengah Teknik Di Negeri Johor Darul Takzim. *Tesis Sarjana*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Littrell, P.C., Billingsley, B. & Cross, L. (1994). The effects of principal support on special and general educators' stress, job satisfaction, school commitment, health, and intent to stay in teaching. *Remedial and Special Education*, 15, 297-310.
- Lokman Tahir & Musa Salan. (2011).*Burnout pentadbir sekolah kebangsaan di daerah Kluang*. unspecified . pp. 1-9. (Tidak Diterbitkan)
- Long, L. J. (1998). Less stress in school. *The Education Digest*, 63(9), 37.
- McCormick, J. (1997). Occupational stress of teachers: Biographical differences in a large school system. *Journal of Educational Administration*, 35(1), 18.
- Mohamad Najib Abd. Ghafar. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fitri Sahhari. (2001). Tahap Beban Tugas Guru Sekolah Menengah Di Daerah Skudai: Kajian Kes. *Kajian Ilmiah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok, Soon Sang. (2009). *Siri Pengajian Profesional: Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Montgomery, C., & Rupp, A. A. (2005). A Meta-Analysis for Exploring the Diverse Causes and Effects of Stress in Teachers. *Canadian Journal of Education*, 28(3), 458-486.


- Morris, J. L. (1988). Teacher stress and teacher attitude toward students, peers, and teaching. ProQuest Dissertations and Theses.
- Muhamad Hanapi Husin. (2004). Pengurusan tekanan kerja di kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Kuantan, Pahang. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya.
- Naylor, C. (2001). What Do British Columbia Teachers Consider To Be the Most Significant Aspects of Workload and Stress in Their Work? *British Columbia Teachers' Federation Research Report*. 1-19.
- Nobile, J. J. & McCormick, J. (2005). "Job Satisfaction and Occupational Stress in Catholic Primary Schools." *A paper presented at the Annual Conference of the Australian Association for Research in Education*.
- Palmer, S. & Cooper, C. (2004). A model of work stress to underpin the Health and safety Executive advice for tackling work-related stress and stress risk assessments. *Counselling at Work*, Winter, 2-5.
- Pauley, A. D. (2009). Exploring sources of teacher stress in head start. ProQuest Dissertations and Theses.
- Paulse, J. (2005). Sources of occupational stress for teachers, with specific reference to the inclusive education model in the Western Cape. *Dissertations*. University of the Western Cape.
- Payne, M. A. & Furnham, A. (1987). Dimensions of Occupational Stress in West Indian Secondary School Teachers. *British Journal of Educational Psychology*. 57: 141 – 150
- Punanesvaran, A.Nadairaja. (2000). Hubungan bebanan kerja dengan tekanan kerja di kalangan guru lelaki dan guru wanita di sebuah sekolah rendah di kawasan Bandar. *Kajian Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rieg, S., Paquette, K., & Chen, Y.. (2007). Coping With Stres: An Investigation of Novice Teachers' Stressors In The Elementary Classroom. *Education*, 128(2), 211-226.
- Saraswathy, Kutirakkal. (2000). Faktor-faktor yang menyebabkan tekanan di kalangan guru pelatih. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya.
- Selye, H. (1976). *The Stress of Life*. Edisi Kedua. New York: McGraw-Hill.

- Sevakame, Murugan. (2003). A study on occupational stress among secondary school teachers in Kuala Lumpur. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya.
- Sheppard, B. H. (2008). The effect of noninstructional workload tasks upon instructional time for classroom teachers in public schools in an urban school district. ProQuest Dissertations and Theses.
- Sufean Hussin. (2003). Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah. Edisi Kedua. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa and Pustaka.
- Strank, J.W., (2005). *Stress at Work: Management and Prevention*. Amsterdam, Netherlands: Elsevier Publishing.
- Tan, Huat Chye (1996). Tekanan kerja di kalangan guru SJKC dalam daerah Gombak. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya.
- Tang, T., & Yeung, A. (1999). Hong Kong Teachers' Sources of Stress, Burnout, and Job Satisfaction. Retrieved from EBSCOhost.
- Troman, G. (2000). Teacher stress in the low-trust society. *British Journal of Sociology of Education*, 21(3), 331.
- Utusan Malaysia*. (2006, Mac 29). Ramai Guru Berpenyakit Akibat Stres, 10.
- Utusan Malaysia*. (2009, Jun 22). Wujud Jawatan Pembantu Guru, 8.
- Valli, L., & Buese, D. (2007). The changing roles of teachers in an era of high-stakes accountability. *American Educational Research Journal*, 44(3), 519.
- Van Dick, R., & Wagner, U. (2001). Stress and strain in teaching: A structural equation approach. *British Journal of Educational Psychology*, 71, 243.
- Van Zyl, E. (2002). Measurement of Work Stress Within South African Companies: A Luxury or Necessity? *South African Journal of Industrial Psychology*, 28(3), 26-31.
- Wai, C., & Kwok, W. (1995). Stress, social support, and teacher burnout in Macau. *Current Psychology*, 14(1), 42.

- Wan Mohamad Nasir. (2002). Faktor-faktor Stres Pekerjaan Pensyarah Politeknik. *Tesis Sarjana*. Universiti Utara Malaysia.
- Ward, J.C. (1987). *Managing stress*. Essex : Gower Publishing Company Ltd.
- Weidner, P. E. (2002). Stress and the teacher: A comparison of job-related stress among public and private elementary teachers. ProQuest Dissertations and Theses.
- Yap, C .H. (2005). Faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru dikalangan guru sekolah menengah daerah Klang. *Kajian Ilmiah*. Universiti Malaya.
- Yahya Don. (2005). *Kepimpinan Pendidikan di Malaysia*. Bentong. PTS Professional Publishing.
- Yong, I. T. (1999) Factors Affecting Occupational Stress Among Teachers of a Secondary School in Sarawak. *Masters Thesis*. Universiti Putra Malaysia.

LAMPIRAN A

SOAL SELIDIK KAJIAN



KUALA LUMPUR

TAJUK KAJIAN :

FAKTOR-FAKTOR PENENTU STRES DALAM KALANGAN GURU-GURU:
KAJIAN DI SEKOLAH RENDAH MUBALIGH DI KUALA LUMPUR

SOAL SELIDIK

Guru-guru yang dihormati,

Soal selidik ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor penyumbang stres kerja dalam kalangan guru-guru sekolah rendah mubaligh di Kuala Lumpur. Diharap guru-guru dapat menjawab soal selidik ini dengan jujur dan ikhlas. Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan ini sahaja.

Kerjasama yang anda berikan didahului dengan ucapan terima kasih. Semoga dengan kerjasama yang diberikan dapat mempertingkatkan lagi kesahihan kajian ini.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Disediakan oleh:

FAZURA BT MOHD NOOR

Sarjana Pendidikan

Open University Malaysia

Kuala Lumpur

Nota:

Bahagian A merupakan latar belakang responden manakala Bahagian B dan C mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN

SILA TANDA (\surd) DALAM RUANG YANG DISEDIAKAN

- | | | | |
|---------------------------------|------|--------|--|
| 1. Jantina | i. | [] | Lelaki |
| | ii. | [] | Perempuan |
| 2. Umur | | _____ | tahun |
| 3. Keturunan | i. | [] | Melayu |
| | ii. | [] | Cina |
| | iii. | [] | India |
| | iv. | [] | Lain-lain |
| 4. Kelulusan Akademik Tertinggi | i. | [] | Sijil |
| | ii. | [] | Diploma |
| | iii. | [] | Ijazah |
| | iv. | [] | Sarjana/ PhD |
| 5. Status Perkahwinan | i. | [] | Bujang |
| | ii. | [] | Berkahwin |
| | iii. | [] | Lain-lain(Janda, Duda, Berpisah dan lain-lain) |
| 6. Pengalaman Mengajar | | _____ | tahun |

BAHAGIAN B: TAHAP STRES GURU

Setiap pernyataan berikut menggambarkan implikasi stres terhadap guru. Bagi setiap pernyataan yang diberi, sila **BULATKAN** nombor skala yang menggambarkan tahap kekerapan anda alami implikasi yang dinyatakan.

| Kenyataan | Tidak Pernah (TP) | Jarang (J) | Kadang-kadang (KK) | Agak Kerap (AK) | Kerap (K) |
|-----------|----------------------|---------------|-----------------------|--------------------|--------------|
| Skor | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| Item | Pernyataan | TP | J | KK | AK | K |
|------|---|----|---|----|----|---|
| 1 | Saya mempunyai pemikiran negatif dan perasaan tertekan yang berpanjangan akibat dari masalah yang berkaitan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2 | Saya menghadapi masalah dalam membuat keputusan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3 | Kecekapan dalam pekerjaan berkurangan berbanding dengan dahulu. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4 | Kualiti kerja saya telah merosot. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5 | Saya berasa sangat letih dari segi rohani, emosi dan fizikal selepas kerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6 | Saya kerap menghadapi selesema dan jangkitan virus pada hari berkerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 7 | Saya berpendapat bahawa perubahan tabiat makanan (makan berlebihan/ kurang) disebabkan masalah yang berkaitan dengan kerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 8 | Saya menggunakan ubat untuk mengurangkan perasaan cemas dan bimbang disebabkan oleh kerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| | | | | | | |
|----|---|---|---|---|---|---|
| 9 | Saya berpendapat bahawa peningkatan kelalaian dalam menjalankan tugas telah meningkat. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 10 | Saya kerap berasa bosan semasa berkerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 11 | Saya berpendapat bahawa tidak peka (tidak sensitif) terhadap perasaan orang lain di tempat kerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 12 | Saya berpendapat bahawa hubungan yang tegang dengan majikan dan rakan sekerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 13 | Saya kurang tumpuan semasa melaksanakan sesuatu tugas. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 14 | Saya berasa ketidakpuasan terhadap kerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 15 | Saya kerap muram, cepat marah dan tidak sabar semasa berkerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 16 | Saya kurang ataupun tiada semangat waktu berkerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 17 | Saya berasa letih yang berpanjangan di tempat kerja walaupun selepas cukup tidur. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 18 | Saya kerap berasa kecewa pada waktu pejabat (semasa berkerja). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 19 | Saya keinginan untuk menarik diri dari tuntutan pekerjaan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 20 | Saya kerap berfikir untuk meletak jawatan ataupun bertukar tempat kerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

BAHAGIAN C: STRES GURU

Sila **BULATKAN** jawapan anda pada angka dari 1 hingga 5 berdasarkan pilihan yang anda rasakan sesuai.

| Kenyataan | Tiada Stres(T) | Stres Rendah (SR) | Stres Sederhana (SS) | Stres Tinggi (ST) | Stres Sangat Tinggi (SST) |
|-----------|----------------|-------------------|----------------------|-------------------|---------------------------|
| Skor | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| Item | Pernyataan | T | SR | SS | ST | SST |
|---|---|---|----|----|----|-----|
| HUBUNGAN DENGAN IBU BAPA PELAJAR | | | | | | |
| 1 | Kurang mendapat kerjasama daripada ibu bapa pelajar. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2 | Ibu bapa pelajar yang kerap campur tangan dalam urusan sekolah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3 | Ibu bapa pelajar kerap membuat aduan tentang guru. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| HUBUNGAN SESAMA RAKAN SEKERJA | | | | | | |
| 4 | Hubungan yang tegang sesama rakan sekerja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5 | Tidak mendapat sokongan dan bantuan daripada rakan-rakan sekerja di dalam mengendalikan sesuatu aktiviti. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6 | Seringkali menyiapkan tugas berkumpulan secara sendirian. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| BEBANAN KERJA | | | | | | |
| 7 | Jumlah waktu mengajar yang banyak. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 8 | Mengajar di kelas-kelas yang terdiri daripada pelajar bermasalah pembelajaran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 9 | Kerap menjadi guru ganti kerana ketidak hadiran guru lain. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 10 | Banyak melakukan tugas-tugas perkeranian. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 11 | Terlalu banyak tugas tambahan (seperti memegang banyak jawatan) yang tidak berkaitan dengan pengajaran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 12 | Melakukan kerja-kerja pentadbiran yang bukan di dalam bidang tugas. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 13 | Diberi terlalu banyak kerja dalam satu masa. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| | | | | | | |
|---------------------------------|---|---|---|---|---|---|
| 14 | Pencerapan oleh pentadbir dan jemaah nazir sekolah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 15 | Memeriksa buku dan kertas jawapan pelajar. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| KEKANGAN MASA | | | | | | |
| 16 | Saya mempunyai masa rehat yang singkat sahaja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 17 | Saya tidak dapat menghabiskan sukatan pelajaran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 18 | Kekurangan masa untuk membuat persediaan mengajar. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 19 | Kekurangan masa untuk memberi tumpuan kepada pelajar secara individu. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 20 | Masa yang diberikan untuk menyiapkan sesuatu tugas tidak cukup. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 21 | Kerap kali membawa kerja-kerja sekolah ke rumah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| KARENAH PELAJAR | | | | | | |
| 22 | Mengajar kelas yang pelajaranya kurang memberi tumpuan semasa pengajaran dijalankan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 23 | Mengendalikan pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 24 | Tingkah laku pelajar yang kurang sopan dan biadab. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 25 | Sikap negative pelajar terhadap kerja-kerja sekolah yang diberi. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 26 | Saya tidak dapat tidur apabila ramai murid saya tidak memahami pengajaran saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 27 | Saya berasa bersalah apabila ramai murid-murid saya tidak lulus ujian yang saya beri. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 28 | Mengajar kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang terlalu ramai. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| PENGHARGAAN DAN SOKONGAN | | | | | | |
| 29 | Pentadbir kurang prihatin mengenai kebajikan guru. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 30 | Kerja-kerja saya kurang dihargai oleh pentadbir. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 31 | Pentadbir kurang memberi sokongan dan kerjasama. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 32 | Pembahagian tugas guru yang tidak seimbang. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 33 | Pentadbir menyalahkan guru kerana masalah disiplin pelajar. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| | | | | | | |
|--------------------------|--|---|---|---|---|---|
| 34 | Menerima arahan yang kurang jelas daripada pihak pentadbir. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 35 | Berurusan dengan pihak pentadbir. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 36 | Tidak mempunyai suara dalam membuat keputusan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 37 | Bidang tugas yang tidak jelas. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| KEKURANGAN SUMBER | | | | | | |
| 38 | Kekurangan kemudahan alat bantu mengajar. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 39 | Bilik guru yang sempit dan tidak selesa. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 40 | Sukar mendapatkan peralatan atau bahan-bahan bagi keperluan aktiviti di sekolah (contohnya: kertas, mesin pencetak). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 41 | Kerap kali menggunakan wang sendiri bagi tujuan membeli peralatan untuk kegunaan pengajaran dan aktiviti di sekolah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Terima kasih kerana sudi meluangkan masa. Kerjasama anda amat dihargai.

LAMPIRAN B

SURAT KEBENARAN KPM



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 1-4, BLOK E-8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA.

Telefon : 03-88846591
Faks : 03-88846579

Ruj. Kami : KP(BPPDP)603/5/JLD. 5 (198)
Tarikh : 25 Mei 2011

Pn. Fazura bt. Mohd Noor
A-T7-01 Apartment Tmri Cahaya
Jln Cahaya 14
68000 Ampang
Selangor

No. KP: 740216055128

Tuan/Puan

Kelulusan Khas Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan Pelajaran Negeri Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk :

"Faktor-Faktor Penentu Stres Dalam Kalangan Guru: Kajian Di Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur" di luluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi dari Ketua Bahagian/Pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan.**

3. Sila tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan akhir kajian setelah selesai kelak. Tuan/Puan juga diingatkan supaya **mendapat kebenaran terlebih dahulu** daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum atau seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. MUHAMMAD ZAINI BIN MOHD ZAINI)

Ketua Unit
Sektor Penyelidikan dan Penilaian
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia